

Isu Pekerja Asing di Malaysia pada Era COVID-19: Kajian Kes Tahun 2020-2021

The Issue of Foreign Workers in Malaysia during the COVID-19 Era: Case Study of the Years 2020-2021

Muhammad Danial Rifqi Razlan^{1*}, Intan Suria Hamzah², Mohd Rahimi Ramli³ & Triyanto S.H.⁴

^{1,2} Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

³ Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia

⁴ Universitas Sebelas Maret, 57126 Jawa Tengah Indonesia

*Email: mohdaniel44@gmail.com

Published: 15 December 2023

To cite this article (APA): Razlan, M. D. R., Hamzah, I. S., Ramli, M. R., & Triyanto, S. H. (2023). Isu Pekerja Asing di Malaysia pada Era COVID-19: Kajian Kes Tahun 2020-2021. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 38–49. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.4.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.4.2023>

Abstrak

Kehadiran pekerja asing di Malaysia adalah salah satu faktor penyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Namun begitu, apabila berlakunya penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia, pekerja asing turut sama menjadi penyumbang kepada peningkatan kadar kes jangkitan dalam negara. Kajian ini membincangkan isu berkaitan pekerja asing di Malaysia semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dengan menganalisis faktor yang menyumbang kepada jangkitan dan penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing. Selain itu, kajian ini turut akan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pekerja asing sewaktu pandemik COVID-19 dan seterusnya membincangkan tindakan kerajaan Malaysia dalam membantu golongan pekerja asing bagi mendepani COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian kes dengan menganalisis dokumen seperti laporan dari laman rasmi kerajaan dan berita terkini serta temu bual bersama pegawai agensi penguatkuasa dan perbincangan kumpulan fokus (FGD). Hasil kajian mendapati bahawa faktor penyumbang kepada jangkitan dan penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing disumbang oleh faktor penginapan dan ketidakpatuhan majikan terhadap arahan kerajaan. Bagi cabaran yang dihadapi oleh pekerja asing sewaktu COVID-19 adalah berkaitan timbul perasaan takut apabila pusat tahanan menjadi tumpuan COVID-19 dan kesukaran menerima maklumat berkenaan COVID-19. Hasil kajian juga mendapati bahawa kerajaan Malaysia secara proaktif telah membantu pekerja asing di Malaysia dengan memberikan perlindungan keselamatan dan kesihatan melalui vaksinasi dan perancangan semula penempatan.

Kata kunci: pekerja asing, cabaran, pandemik COVID-19, perintah kawalan pergerakan.

Abstract

The presence of foreign workers in Malaysia is one of the contributing factors to economic growth and national development. However, with the occurrence of the COVID-19 pandemic and the implementation of the Movement Control Order (MCO) in Malaysia, foreign workers have also contributed to the increased infection rates within the country. This study discusses issues related to foreign workers in Malaysia during the Movement Control Order period by analyzing factors contributing to the spread of COVID-19 among foreign workers. Additionally, the study aims to identify the challenges faced by foreign workers during the COVID-19 pandemic and further discuss the Malaysian government's actions in assisting this group in facing COVID-19. The study adopts a qualitative approach through case studies, analyzing documents such as reports from official government websites and recent news, as well as conducting interviews with enforcement agency officials and focus group discussions (FGDs). The research findings indicate that factors contributing

to the spread of COVID-19 among foreign workers are influenced by accommodation conditions and employer non-compliance with government directives. Challenges faced by foreign workers during COVID-19 are related to feelings of fear when detention centers become COVID-19 hotspots and difficulties in receiving information about COVID-19. The study also found that the Malaysian government has proactively assisted foreign workers in Malaysia by providing safety and health protection through vaccination and restructuring placement plans.

Keywords: foreign workers, challenges, COVID-19 pandemic, movement control order.

PENGENALAN

Wabak Coronavirus (COVID-19) yang telah dikesan pada akhir tahun 2019 di China telah memberikan kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi dunia. COVID-19 merupakan sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan dan boleh berjangkit melalui transmisi zarah melalui pernafasan manusia serta sentuhan iaitu apabila mulut dan hidung mereka terdedah. Wabak ini boleh menjejaskan aktiviti seharian seseorang dan boleh menyebabkan kematian.

Di Malaysia, wabak COVID-19 telah memberi kesan yang sangat besar terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan, dan pendidikan negara. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai satu langkah untuk mengawal penularan wabak COVID-19. Pelaksanaan PKP telah menghadkan semua sektor ekonomi untuk beroperasi seperti biasa yang terdiri daripada sektor pembuatan, pertanian, perladangan, pembinaan, perkhidmatan dan pembantu rumah. Sektor tersebut merupakan sektor pekerjaan yang sangat aktif menerima pekerja asing di Malaysia (Intan Suria et al, 2020).

Pekerja asing merupakan agen yang penting dalam setiap sektor ekonomi di Malaysia. Migrasi pekerja asing di Malaysia adalah dipengaruhi oleh hubungan jangka masa panjang antara pendapatan, sejarah, perdagangan, pengangguran dan dasar penggajian pekerja asing di Malaysia. Berdasarkan jadual 1 iaitu data yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia pada tahun 2019 menunjukkan bahawa Malaysia telah menerima pekerja asing dari pelbagai negara dalam sektor ekonomi di Malaysia.

Jadual 1: Pekerja asing mengikut negara asal dalam negeri di Malaysia 2019 (Anggaran %)

Negara Asal	Semenanjung Malaysia	Sarawak	Sabah
Jumlah (2019)	1,746.203	131,112	125,112
	%	%	%
Indonesia	36.3	90.2	85.2
Nepal	20.1	-	0.1
Myanmar	12.4	-	-
Bangladesh	8.9	2.4	0.1
India	6.1	0.9	-
Vietnam	4.2	-	-
Filipina	2.4	1.9	14.1
Kemboja	2.8	-	-
Pakistan	4	-	0.5
Lain-lain negara	2.8	4.6	-

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (2019)

Jadual 1 menunjukkan penglibatan tinggi pekerja asing dalam sektor ekonomi di Malaysia mengikut negara. Jadual 1 menunjukkan bahawa pecahan bilangan pekerja asing yang berasal dari Indonesia mencatatkan bilangan yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 36.3 peratus, manakala bilangan pekerja asing paling rendah adalah dari Filipina iaitu sebanyak 2.4 peratus. Sewaktu negara sedang berhadapan dengan ancaman COVID-19, pada November 2020 situasi jangkitan COVID-19 di Malaysia dikeruhkan lagi dengan peningkatan kes jangkitan dalam kalangan pekerja asing. Keadaan ini telah menyebabkan pekerja asing menjadi salah satu

kluster baharu yang menjadi penyebar kepada wabak yang berbahaya ini. Pada 14 Jun 2021, menerusi laporan jangkitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (rekod harian) menunjukkan sebanyak 147, 040 kes jangkitan baru telah direkodkan di mana ia melibatkan kluster tempat kerja dan daripada jumlah tersebut sebanyak 68 peratus atau 100,086 kes adalah jangkitan yang disumbang oleh pekerja asing (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Keadaan ini memberi tamparan hebat kepada negara, di mana salah satu peningkatan besar jumlah jangkitan wabak COVID-19 ini berlaku di tempat kerja dan asrama pekerja asing. Keselamatan dan kesihatan pekerja asing yang bekerja di Malaysia sama sekali tidak boleh diabaikan kerana mereka merupakan agen penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah bagi meneliti faktor berlakunya penyebaran wabak COVID-19 dalam kalangan pekerja asing seterusnya mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh mereka sewaktu pandemik COVID-19. Pada bahagian akhir artikel, tindakan kerajaan Malaysia dalam membantu golongan pekerja asing sewaktu mendepani COVID-19 akan dibincangkan secara terperinci.

SOROTAN LITERATUR

Pandemik COVID-19 juga dikenali sebagai pandemik koronavirus 2019–2020 iaitu wabak penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2) (Feng et al., 2020). Secara umumnya, majoriti negara telah terkesan dengan penularan virus COVID-19 dan tidak terkecuali juga negara Malaysia.

Malaysia telah mengesahkan kes pertama positif COVID-19 pada 25 Januari 2020, iaitu hampir dua bulan sebelum WHO mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Sejak itu, berlaku peningkatan mendadak dalam kes positif COVID-19 sehingga mencecah hampir 3000 kes pada akhir bulan Mac 2020. Sebagai pencegahan awal, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang juga dikenali sebagai fasa pertama PKP bermula dari 18 hingga 31 Mac 2020.



Rajah 1: Kronologi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Kesan daripada pengumuman PKP pertama, semua aktiviti ekonomi diarahkan untuk berhenti beroperasi, kecuali yang dianggap sebagai industri penting. Perniagaan yang dibenarkan beroperasi perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Walau bagaimanapun, bagi perniagaan terpilih seperti industri lain yang tidak penting dibenarkan beroperasi secara berperingkat sejak PKP ke-4 (29 April hingga 12 Mei 2020) sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (13 Mei hingga 9 Jun 2020). Kebanyakan sektor

ekonomi hanya dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penuh dan beroperasi pada waktu kerja biasa, bermula 10 Jun 2020 di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (*The Star*, 2020, 7 June).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyifatkan wabak COVID-19 sebagai pandemik yang telah mengancam nyawa dan keselamatan manusia secara meluas. Istilah pandemik merujuk kepada wabak penyakit yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata (Fauzi, 2020). Wabak pandemik ini akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan ianya melarat. Pandemik bermula daripada penularan wabak di peringkat epidemik (wabak/penyakit yang sedia ada) yang merebak secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan mampu membunuh ramai orang dalam masa singkat (Snowden, 2019). Sekiranya sesuatu wabak berada pada peringkat endemik dan menyerang satu negara sahaja tetapi berada dalam keadaan terkawal, wabak itu tidak akan dikategorikan sebagai satu pandemik.

Menurut Theng *et al.* (2020), menjaga pekerja asing di Malaysia bukan sahaja berperikemanusiaan, malah ianya adalah wajar. Pekerja asing adalah penting kepada ekonomi Malaysia dan mereka tidak patut diabaikan walau dalam tempoh masa pandemik. Antara lain, yang menjejaskan sistem penjagaan kesihatan awam negara adalah peningkatan risiko jangkitan COVID-19 berlaku apabila penutupan sektor-sektor pekerjaan dan hal ini menyebabkan pekerja asing tertumpu di kawasan kediaman dalam tempoh yang lama serta tidak menjaga SOP (Intan Suria *et al.*, 2020).

Selain itu, cabaran pekerja asing sewaktu COVID-19 adalah dari aspek sosial iaitu halangan maklumat, bahasa dan komunikasi adalah masalah yang dihadapi oleh pekerja asing di Malaysia dalam memahami COVID-19 dan aspek penjagaan diri (Andika, 2020). Ramai pekerja asing tidak dapat membaca dan memahami bahasa tempatan dan Inggeris, walaupun ada yang boleh bertutur dalam bahasa tempatan dan Inggeris asas untuk perbualan harian mereka. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka tidak memahami maklumat atau kempen berkenaan COVID-19 yang dihasilkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Ini termasuk nasihat pencegahan dan SOP yang kebanyakannya disebarikan melalui media perdana, mesej, media sosial dan akhbar. Hal ini juga menyebabkan mereka kurang cakna dengan situasi semasa dan mengambil ringan berkenaan SOP.

Melalui hasil kertas perbincangan yang dikeluarkan oleh Khazanah *Research Institute* bertajuk COVID-19: *We Must Protect Foreign Workers* (Theng *et al.*, 2020), Malaysia perlu melindungi kesemua tenaga pekerja asing di dalam negara. Negara perlu menjamin hak kemanusiaan, keselamatan dan kesihatan mereka dalam menghadapi gelombang COVID-19. Ini kerana kemunculan kluster pekerja asing di Malaysia adalah dalam keadaan bahaya dan memerlukan campur tangan kerajaan dengan segera bagi membendung penularan COVID-19. Kertas cadangan ini menyeru kerajaan Malaysia supaya belajar dari pengalaman negara lain, dalam pengurusan COVID-19 untuk memastikan transmisi wabak terkawal di Malaysia dan usaha pengekangan nasional mesti melindungi semua penduduk yang terdedah di negara ini.

Sehubungan itu, menurut Sity (2020), kedutaan asing, organisasi masyarakat sivil, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, dan organisasi antarabangsa yang berkaitan telah melangkah ke hadapan dalam menyediakan perlindungan terhadap pekerja asing sewaktu tempoh pandemik, terutamanya dalam isu gaji yang tidak dibayar dan pemberhentian yang tidak adil. Contohnya, Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Malaysia telah bekerjasama dengan majikan mengenai isu gaji manakala Pertubuhan Buruh Antarabangsa telah mendokumentasikan pelanggaran buruh dan kontrak yang dilakukan oleh majikan. Oleh itu, dapat dilihat agensi dan pertubuhan dalam negara turut membantu pekerja asing menghadapi tempoh sukar sewaktu pandemik.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian kes dengan menganalisis dokumen dan temu bual. Penggunaan sumber sekunder yang digunakan untuk pengumpulan data terdiri daripada pelbagai sumber seperti laporan media rasmi kerajaan dari Kementerian Kesihatan Malaysia, laporan harian COVID-19, laporan dari Majlis Keselamatan Negara, artikel jurnal berindeks, buku dan keratan akhbar. Kajian ini memperoleh data primer melalui instrumen temu bual elit dan perbincangan kumpulan fokus (FGD). Temu bual elit adalah berbentuk temu bual berstruktur manakala temu bual tidak berstruktur telah dilakukan bagi perbincangan kumpulan fokus bersama pekerja asing yang melibatkan dua kumpulan (12 orang) iaitu dari sektor perkilangan

dan pembinaan. Temu bual berstruktur digunakan bagi mendapatkan maklumat responden elit daripada agensi kerajaan iaitu dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam pengurusan pekerja asing sewaktu pandemik COVID-19 melanda negara. Manakala temu bual tidak berstruktur telah dilakukan bersama pekerja asing yang terdiri daripada pekerja yang bekerja di sektor perkilangan dan pembinaan. Hasil temu bual dan data sekunder ini dianalisis menerusi kaedah tematik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Malaysia juga turut terkesan dengan penyebaran wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP telah memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Banyak sektor ekonomi di dalam negara menjadi lumpuh dan tidak dapat beroperasi seperti biasa. Sektor pembinaan mengalami penurunan sebanyak 7.9 peratus (setakat suku pertama 2020) dari segi sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, berbanding suku yang sama pada 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Begitu juga, sektor pertanian menunjukkan penurunan sebanyak 8.7 peratus dan sektor perlombongan dan kuari (2.0 peratus) pada suku pertama 2020 berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya.

Kunci untuk mengenal pasti wabak COVID-19 semakin merebak adalah melalui ujian saringan COVID-19. Pada 25 April, Kementerian Kesihatan telah mengumumkan bahawa daripada 14,187 pekerja asing yang diuji untuk virus COVID-19, seramai 676 orang disahkan positif. Pada bulan berikutnya terdapat peningkatan kes baharu dalam kalangan pekerja asing di Malaysia. Pada 25 Mei 2020, lebih dari 2000 pekerja asing tanpa dokumen telah ditangkap dalam serangkaian serbuan imigresen dan ditahan di pelbagai pusat tahanan imigresen. Ini menyebabkan semakin banyak orang tahanan berada di pusat tahanan imigresen terutama di Lembah Klang.

Pakar epidemiologi, Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud menyifatkan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang positif COVID-19 di Pusat Tahanan Imigresen adalah tinggi, namun punca sebenar jangkitan masih belum dapat dikenal pasti. (Berita Harian, 2020, 3 Mei) Pekerja asing yang disahkan positif virus tersebut tidak dapat dikenal pasti sama ada sudah dijangkiti dari luar iaitu sebelum atau selepas memasuki pusat tahanan imigresen tersebut.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata risiko penularan jangkitan dalam kalangan warga asing adalah tinggi berikutan kebanyakan mereka tinggal di dalam penempatan yang padat dan kotor. (Berita Harian, 2020, 7 Mei). Jika terdapat kes jangkitan COVID-19 dalam kalangan warga asing, penularan wabak tersebut akan berlaku secara meluas dan merebak dengan pantas terutama dalam kelompok mereka. Pekerja asing perlu ditekankan berkenaan aspek penjagaan diri supaya mereka tidak mudah dijangkiti dan mengelakkan penyebaran wabak COVID-19 di tempat kerja atau kalangan masyarakat sekeliling. Pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa melibatkan pekerja asing dan majikan seperti pemakaian pelitup muka dan penjarakan mampu mengurangkan risiko penyebaran jangkitan. Namun, sikap ambil mudah terhadap aspek pematuhan SOP ini telah menyebabkan kewujudan pelbagai kluster tempat kerja terutama melibatkan sektor-sektor yang menjadi tumpuan bagi pekerja asing untuk bekerja (Bernama, 2021, 24 September).

Pada 6 April 2020, Singapuraewartakan dua asrama pekerja asing sebagai kawasan isolasi dan telah mengenal pasti sebuah asrama lain sebagai satu kluster baharu COVID-19 (Bernama, 2020, 6 April). Pada November 2020, kerajaan telah mengarahkan supaya satu perintah berkurung secara bersasar dikuatkuasakan di sekitar kawasan kediaman yang menempatkan asrama atau hostel pekerja kilang pembuatan sarung tangan *Top Glove* di daerah Klang selepas 215 pekerja syarikat itu dilaporkan positif virus COVID-19 dan sehingga 23 November 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah menjalankan 5,794 saringan ke atas pekerja kilang tersebut dan sebanyak 1,889 kes positif COVID-19 direkodkan.

KKM juga telah mengesan sebanyak 28,477 atau 25.4% kes positif daripada sejumlah 112,225 pekerja asing yang telah disaring bermula dari 1 Disember 2020 sehingga 23 Januari 2021 melalui ujian saringan secara bersasar terhadap komuniti pekerja asing terutamanya di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, sejumlah 350 kluster baharu dilaporkan dan 225 kluster atau 64.3 % adalah kluster berkaitan tempat kerja iaitu kluster berkaitan perkilangan mencatatkan bilangan kluster tertinggi iaitu 80 kluster (35.6 %), diikuti 53 kluster berkaitan pembinaan (23.6 %) dan 31 kluster berkaitan perkhidmatan (13.8 %).

Keadaan ini memberi tamparan hebat kepada negara, di mana salah satu peningkatan besar jumlah jangkitan wabak COVID-19 ini berlaku di tempat kerja dan asrama pekerja asing. Sebagai langkah pencegahan melibatkan undang-undang, Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) telah dikuatkuasakan Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan punca penularan jangkitan COVID-19 dan lain-lain penyakit berjangkit melibatkan penginapan pekerja asing dapat dicegah dan ditangani (Berita RTM, 2020, 29 November). Menurut Perkara 25D(3) yang terkandung dalam A1604 Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 memperuntukkan: “(3) Seseorang majikan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.”

Perkara tersebut menjelaskan bahawa sebarang bentuk penginapan yang ingin disediakan oleh pihak majikan terhadap pekerja perlu mendapat perakuan terlebih dahulu oleh pihak berkuasa dan jika mana-mana pihak tidak patuh kepada akta tersebut seseorang majikan boleh dikenakan tindakan melibatkan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit. Oleh itu, tindakan segera diambil oleh kerajaan untuk membendung penularan COVID-19 dalam kalangan bukan warganegara bagi melindungi kepentingan dan keselamatan awam Malaysia. Ini kerana, wabak ini telah mewujudkan sentimen dan perasaan negatif yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat umum terhadap bukan warganegara khususnya pelarian dan penduduk mencari suaka semasa tempoh pandemik. Namun begitu, langkah yang diambil kerajaan juga telah dikritik oleh badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Tenaganita* dan *Refuge for Refugees* kerana melaksanakan penangkapan pekerja asing dan pelarian tanpa izin. Mereka mendakwa bahawa kerajaan telah melanggar jaminannya bahawa tidak akan ada kesan sekiranya pendatang asing dan pelarian tanpa dokumen yang terdedah tampil ke hadapan untuk melakukan ujian saringan COVID-19 (MalaysiaKini, 2020, 1 Mei). Namun begitu, kerajaan menyangkal dakwaan tersebut kerana semua warga asing diberikan layanan yang sewajarnya.

Hasil kajian mendapati bahawa pekerja asing di Malaysia turut terkesan dengan situasi pandemik terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan oleh kerajaan. Antara faktor yang menyumbang kepada jangkitan dan penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing ini adalah melibatkan faktor penginapan dan juga ketidakpatuhan majikan terhadap arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Bahagian ini turut membincangkan berkenaan cabaran yang dihadapi oleh pekerja asing semasa penularan COVID-19 di Malaysia di mana cabaran tersebut terdiri daripada timbul perasaan takut dalam kalangan pekerja asing, pusat tahanan imigresen menjadi tempat tumpuan COVID-19 dan kesukaran menerima maklumat mengenai COVID-19 dalam kalangan pekerja asing. Akhir sekali, hasil dapatan kajian akan membincangkan berkenaan tindakan kerajaan Malaysia dalam membantu golongan pekerja asing sewaktu mendepani COVID-19 meliputi pemberian vaksin dan perancangan penginapan pekerja berpusat (CLQ).

Faktor Jangkitan dan Penularan COVID-19 dalam Kalangan Pekerja Asing

Faktor penginapan

Spesifikasi penginapan pekerja asing, menurut Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (Temu bual bersama pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, 2022, 15 September) ialah tidak wujud sebarang penetapan terhadap bentuk atau jenis kediaman yang boleh dijadikan sebagai penginapan pekerja oleh majikan selagi mana penginapan tersebut mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan juga mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Meskipun kerajaan telah memberikan kelonggaran terhadap bentuk penginapan pekerja asing, namun masih wujud majikan yang gagal mematuhi akta tersebut dan membiarkan pekerja mereka tinggal dalam keadaan yang sesak serta tidak mempunyai kemudahan asas yang mencukupi. Penginapan pekerja asing yang disediakan oleh sesetengah majikan sering mengabaikan aspek kemudahan asas seperti tandas, sistem pengudaraan dan juga

pengawasan terhadap aspek kebersihan secara berkala (Temu bual bersama pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022, 10 Oktober). Pekerja asing sememangnya merupakan golongan yang paling berisiko tinggi terhadap penularan wabak penyakit berjangkit kerana penjagaan kesihatan dan keselamatan sendiri mereka masih berada pada tahap yang rendah.

Faktor penginapan menjadikan warga asing sebagai kumpulan yang berisiko tinggi dan penyebab utama kepada penularan COVID-19 sehingga mencetuskan pelbagai kluster baharu yang berpotensi menjejaskan keselamatan kesihatan penduduk tempatan. (Berita Harian, 2020, 7 Mei). Terdapat juga penginapan pekerja asing dengan setiap unit kediaman didiami dengan jumlah pekerja yang melebihi kapasiti dibenarkan dan mereka juga sanggup hidup dikelilingi sampah sarap serta air buangan di kawasan kilang berdekatan. Terdapat juga asrama dan rumah pekerja asing yang dibina tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa serta dibina setinggi dua tingkat dan mengabaikan ciri-ciri keselamatan kerana dibina di atas tanah berstatus pertanian (Bernama, 2019, 13 Mac). Kawasan sedemikian sangat tidak wajar untuk dibina sebarang bangunan dan pemilik tanah sepatutnya menggunakan tanah berkenaan mengikut kategori kegunaan tanah sebagaimana syarat yang ditetapkan dalam hak milik. Selain itu, hasil serbuan yang dilakukan mendapati wujud kesesakan di asrama pekerja asing sehingga tiada penjarakan sosial dalam kalangan pekerja di penginapan mereka dan menjadikan perkara tersebut sebagai penyumbang utama terhadap peningkatan kadar kes jangkitan COVID-19 di Malaysia (Temu bual pegawai Jabatan Imigresen Malaysia, 2022, 5 September).

Ketidakpatuhan Majikan terhadap Arahan Kerajaan

Terdapat majikan yang tidak menjalankan ujian saringan COVID-19 terhadap pekerja asing di bawah seliaan mereka kerana terbeban dengan kos ujian saringan COVID-19 yang dilihat agak tinggi. Melalui operasi dan pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mendapati masih banyak majikan yang gagal memastikan pekerja asing membuat ujian saringan COVID-19 meskipun arahan telah dikeluarkan untuk mereka berbuat demikian (Temu bual bersama pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, 2022, 15 September). Perkara ini berlaku kerana kos ujian saringan COVID-19 adalah tinggi dan terpaksa ditanggung oleh majikan sepenuhnya iaitu dengan anggaran serendah RM150 hingga RM250 bagi setiap pekerja. Namun begitu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menyediakan inisiatif ujian pengesanan COVID-19 kepada pekerja asing tetapi ianya terhad kepada mereka yang mencarum sahaja.

Selain itu, terdapat sebahagian daripada pekerja asing yang bekerja dan tinggal di negara ini sewaktu tempoh pelaksanaan PKP adalah berstatus Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Golongan ini kuatir untuk menghadirkan diri bagi mendapat ujian saringan COVID-19 kerana bimbang ditangkap oleh pihak berkuasa (Perbincangan Kumpulan Fokus, 2022, 20 November). Oleh itu, pekerja asing yang takut menjalani saringan COVID-19 dan sikap majikan yang sengaja menyembunyikan golongan PATI daripada mengambil ujian saringan COVID-19 turut menjadi antara penyumbang kepada peningkatan kadar kes jangkitan COVID-19 dalam negara.

Seterusnya, bagi isu peningkatan kadar jangkitan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing sangat jelas disumbang oleh ketidakpatuhan majikan terhadap arahan kerajaan. Berdasarkan SOP yang telah ditetapkan, majikan seharusnya melaporkan kepada pihak KKM sekiranya terdapat pekerja asing yang dijangkiti COVID-19. Melalui laporan tersebut, pihak KKM akan memindahkan pekerja asing yang dijangkiti untuk dikuarantin di tempat yang telah ditetapkan. Namun, akibat daripada kebimbangan majikan mengenai status pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, pihak majikan sengaja mengabaikan arahan tersebut seterusnya membiarkan pekerja asing yang dijangkiti untuk terus tinggal di penginapan mereka. Oleh itu, rantaian jangkitan dalam kalangan pekerja asing sukar diputuskan dan terus menjangkiti pekerja asing yang lain (Perbincangan Kumpulan Fokus, 2022, 15 November).

Tambahan lagi, ketidakpatuhan majikan terhadap penyediaan penginapan pekerja asing mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing 2018 & Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) Pindaan 2019 boleh menyebabkan penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pekerja asing. Penginapan yang sempit, padat dan tahap kebersihan serta keselamatan yang rendah menjadikan pekerja asing golongan yang berisiko

untuk dijangkiti dengan wabak COVID-19 kerana SOP pencegahan COVID-19 sangat sukar untuk diamalkan seperti penjarakkan sosial satu meter antara satu sama lain.

Cabaran Pekerja Asing Sewaktu COVID-19

Situasi pandemik COVID-19 di Malaysia telah melumpuhkan hampir kesemua sektor ekonomi negara. Kelumpuhan sektor ekonomi ini telah memberikan satu tamparan hebat kepada rakyat tempatan malahan lebih besar kesannya terhadap pekerja asing yang tinggal dan bekerja di Malaysia. Golongan pekerja asing sewaktu pandemik telah menghadapi beberapa cabaran dalam memastikan kelangsungan hidup mereka. Oleh itu, terdapat beberapa cabaran yang akan dibincangkan oleh pengkaji bagi menjelaskan situasi tersebut.

Perasaan Takut dalam Kalangan Pekerja Asing

Menurut temu bual bersama pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (2022, 5 September) sewaktu tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, beberapa operasi penguatkuasaan telah ditangguhkan. Namun begitu, bagi mengekang permasalahan akibat daripada pelanggaran SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dalam aspek pengurusan pekerja asing, pihak Jabatan Imigresen masih menjalankan operasi tetapi hanya memberikan tumpuan kepada beberapa kes-kes yang kritikal. Antara operasi yang dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan adalah melibatkan Ops Omnipresent, Ops Nasihat dan beberapa pemeriksaan bagi memastikan pematuhan terhadap SOP yang telah ditetapkan kerajaan (Temu bual pegawai Jabatan Imigresen Malaysia, 2022, 5 September).

Namun, pada fasa ke empat Perintah Kawalan Pergerakan satu operasi serbuan telah dijalankan di beberapa kawasan di Lembah Klang, termasuk Pasar Borong Kuala Lumpur, Selayang dan Gombak di mana ribuan pekerja tanpa izin dan pelarian, termasuk wanita dan kanak-kanak, telah ditangkap dan ditahan di Pusat Imigresen. Tindakan ini telah dikritik oleh badan persatuan bukan kerajaan (NGO) kerana beranggapan bahawa kerajaan telah melanggar jaminannya kepada mereka yang tampil ke hadapan untuk mendapatkan ujian COVID-19. Sebagai tindak balas kepada kritikan tersebut, Menteri Kanan Keselamatan Malaysia menafikan dakwaan bahawa kerajaan telah bertindak kejam dan tidak berperikemanusiaan dalam menjalankan serbuan imigresen dan penahanan pekerja tanpa dokumen (Malaysiakini, 2020, 2 Mei).

Serbuan yang dilakukan pada oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah menimbulkan ketakutan dalam kalangan pekerja asing terutama kepada mereka yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah seperti passport dan pas pekerja. PATI terutama yang bekerja dalam sektor pembinaan, pembuatan dan perladangan tidak dapat bekerja kerana takut ditangkap oleh pihak berkuasa. Mereka juga enggan melakukan ujian COVID-19 yang dilaksanakan oleh KKM kerana bimbang diambil tindakan undang-undang serta kebarangkalian untuk positif adalah tinggi oleh kerana mereka mempunyai sejarah perjalanan yang berisiko terdedah kepada wabak ini.

Pusat Tahanan Imigresen Menjadi Tempat Tumpuan COVID-19

Peningkatan jumlah penahanan warga asing di Pusat Tahanan Imigresen khususnya di Lembah Klang telah menyebabkan kurangnya penjarakan sosial antara satu sama lain. Peningkatan ini menyebabkan pusat tahanan menjadi sesak dan padat tanpa pemeriksaan dan penjagaan kesihatan yang betul boleh meningkatkan risiko penularan wabak COVID-19 dan penyakit berjangkit lain dalam kalangan warga asing (Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM), 2020). Penjarakan sosial dan kebersihan diri perlu diamalkan terutama di kawasan terbuka. Hal ini kerana virus ini boleh tesebar melalui transmisi zarah daripada pernafasan manusia dan sentuhan.

Satu kajian secara *systematic review* dan *meta-analysis* telah dilakukan untuk mengkaji jarak optimum untuk mengelakkan daripada jangkitan dan melihat keberkesanan penggunaan penutup muka dan pelindung mata. Hasil kajian tersebut mendapati jarak fizikal 1-meter dan lebih adalah lebih selamat dan mengurangkan kadar penyebaran virus. Selain itu, penggunaan penutup muka berjaya mengurangkan kadar penyebaran dengan penggunaan penutup muka N95 adalah yang terbaik berbanding penutup muka yang lain. (Muhammad Nur

Akmal & Intan Juliana, 2020). Ini membuktikan bahawa Pusat Tahanan berisiko tinggi menjadi kawasan tumpuan penyebaran COVID-19 kerana penjarakan sosial sukar untuk diamalkan.

Kesukaran Menerima Maklumat Mengenai COVID-19 dalam Kalangan Pekerja Asing

Walaupun kerajaan telah melaksanakan langkah yang proaktif dalam membendung isu ini daripada terus merebak dalam kalangan pekerja asing, namun masih terdapat beberapa perkara yang kerajaan terlepas pandang. Hakikatnya, didapati ramai pekerja asing tidak menerima atau memahami maklumat yang disampaikan mengenai COVID-19 (SUHAKAM, 2020). Maklumat yang disampaikan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang bukan merupakan bahasa ibunda mereka. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk memahami maklumat yang disampaikan dan mengamalkan SOP yang ditetapkan. Walaupun terdapat penyebaran maklumat melalui media massa, namun ianya masih menjadi halangan kepada mereka kerana mereka mempunyai akses yang terhad seperti penggunaan telefon pintar.

Hasil perbincangan kumpulan fokus (2022,) mendapati, maklumat berkenaan COVID-19 yang diperoleh mereka sewaktu pelaksanaan PKP adalah kebanyakan menerusi aplikasi seperti “*Whatsapp*” dan “*Facebook*”. Meskipun begitu, kebanyakan pekerja asing apabila ditanya tentang kefahaman mereka berkenaan penyakit COVID-19, mereka hanya mengetahui tentang darimanakah asal penyakit tersebut dan apakah simptom yang akan dialami apabila mereka dijangkiti. Malang sekali, terdapat juga pekerja asing yang menerima maklumat palsu berkenaan COVID-19 melalui media sosial sehingga menimbulkan rasa risau dan kebimbangan yang melampau (Perbincangan Kumpulan Fokus, 2022, 15 November). Pada era yang serba moden ini, tidak dapat dinafikan bahawa liberalisasi maklumat melalui media sosial berlaku dalam tempoh yang sangat pantas. Namun, kesahihan maklumat harus dipantau dan dititikberatkan oleh pihak kerajaan dalam memastikan golongan pekerja asing di Malaysia mendapat maklumat dan berita sahih sebagai langkah meningkatkan kesedaran dalam mengurangkan penularan COVID-19.

Tindakan Kerajaan Malaysia dalam Membantu Golongan Pekerja Asing Sewaktu Mendepani COVID-19

Pemberian vaksin COVID-19

Pada peringkat awal proses vaksinasi negara, pekerja asing tidak disenaraikan sebagai kumpulan penerima vaksin COVID-19. Fokus utama vaksinasi negara adalah melibatkan rakyat tempatan yang terdiri daripada golongan yang terdedah kepada ancaman jangkitan seperti kakitangan kesihatan dan juga anggota keselamatan negara. Namun, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara telah bersetuju mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pemberian vaksin secara berperingkat kepada pekerja asing bagi mengawal penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing semasa tempoh pelaksanaan PKP. Antara negeri yang terawal dalam proses pemberian vaksin kepada pekerja asing adalah melibatkan negeri Selangor.

Kelangsungan ekonomi Selangor adalah bergantung kepada lebih 30 peratus pekerja asing yang terdiri daripada keseluruhan jumlah tenaga kerja di negeri tersebut (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Langkah vaksinasi awal di Selangor adalah kerana negeri ini pernah mencatatkan kes jangkitan COVID-19 harian negara tertinggi melibatkan kluster tempat kerja dan kilang. Program Vaksin Selangor atau lebih dikenali sebagai SELVAX, sehingga 10 Ogos 2021 telah berjaya memvaksin seramai 9,146 individu yang terdiri daripada pekerja asing (Dewan Negeri Selangor, 2019). Pelaksanaan program SELVAX yang merupakan sebagai salah satu Program Imunisasi Nasional di peringkat negeri Selangor yang melibatkan pekerja asing adalah sangat penting bagi peningkatan tahap imunisasi negara. Saintis di seluruh dunia juga telah bersetuju bahawa pemberian vaksin kepada golongan majoriti dalam sesebuah negara atau pada tahap global adalah penting untuk melindungi semua, tanpa mengira faktor-faktor luaran seperti perbezaan ras, gender atau kerakyatan kerana virus COVID-19 tidak memilih mangsanya (Bernama, 2021, 24 September).

Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralised Labour Quarters*)

Isu berkenaan pengurusan penginapan pekerja asing di Malaysia semakin mendapat perhatian kerajaan terutama selepas berakhirnya pandemik COVID-19. Meskipun telah banyak akta dan undang-undang yang menggariskan berkenaan aspek pengurusan penginapan pekerja asing seperti Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), namun permasalahan yang sama masih timbul disebabkan oleh sikap tidak peduli majikan yang menguruskan penginapan pekerja asing. Hasil temu bual yang dijalankan bersama pegawai daripada JTKSM dan PDRM dalam satu temu bual berasingan menyatakan bahawa terdapat sebuah konsep pengurusan penginapan pekerja asing yang terbaik dapat dicontohi daripada negara jiran iaitu Singapura yang dikenali sebagai *Central Labour Quarter (CLQ)*. Tambahan lagi, Singapura dikategorikan sebagai sebuah negara berjaya dan terbaik dalam pengurusan pekerja asing serta mampu mengurus penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing sewaktu pandemik (Temu bual pegawai Polis DiRaja Malaysia, 2022, 25 Oktober).

Oleh itu, kerajaan Malaysia sekali lagi telah mengambil satu langkah yang proaktif dalam membantu golongan pekerja asing di negara ini dengan mewujudkan garis panduan perancangan penginapan pekerja berpusat atau *Central Labour Quarter* di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penginapan Pekerja Berpusat atau *CLQ* didefinisikan sebagai kemudahan tempat tinggal pekerja secara berpusat atau berkelompok (pekerja asing dan tempatan) di sesuatu kawasan atau bangunan khas kekal/separa kekal yang dilengkapi pelbagai kemudahan dan kelengkapan untuk keselesaan penghuni. Perancangan penginapan pekerja berpusat ini memberikan fokus utama dalam menangani masalah yang wujud di penginapan pekerja asing sedia ada seperti petempatan yang kotor, penularan wabak penyakit, masalah keperluan asas, masalah kemudahan sokongan (tandas, surau dan lain-lain) dan tempat tinggal yang mempunyai risiko keselamatan yang tinggi (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2022). Antara negeri di Malaysia yang mempunyai perancangan awal dalam membangunkan projek Penginapan Pekerja Berpusat adalah Melaka. Menurut Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri, Yang Berhormat Ngwe Hee Sem, Melaka mensasarkan pembinaan 40 buah *CLQ* di negeri tersebut menjelang tahun 2025 (Bernama, 2023, 7 Ogos).

KESIMPULAN

Penularan COVID-19 memberikan impak negatif kepada sektor ekonomi di Malaysia. Kesan akibat pandemik ini bukan saja dialami oleh rakyat tempatan namun secara langsung telah menjejaskan sektor ekonomi yang berteraskan pekerja asing di Malaysia. Analisis data mendapati bahawa punca penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing bukan saja disumbang oleh pekerja asing itu sendiri tetapi oleh majikan yang kurang peka dan tidak bertanggungjawab. Kesan dari sistem pengurusan pekerja asing yang lemah meskipun kerajaan telah menetapkan SOP yang jelas, namun ketidakpatuhan majikan dan pekerja telah menyukarkan lagi proses kawalan penyakit berjangkit daripada menular. Kesan langsung akibat daripada masalah ini, pekerja asing yang berada di dalam negara semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan terpaksa menghadapi beberapa cabaran yang bukan saja memberi kesan kepada mereka tetapi turut menjejaskan masyarakat tempatan. Melihat kepada maklum balas terhadap penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing di Malaysia, kerajaan seharusnya diberikan pujian apabila secara pantas mengatur langkah yang proaktif dalam mengurangkan kadar jangkitan dalam kalangan pekerja asing di Malaysia. Langkah tersebut adalah dengan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi memudahkan proses saringan dan vaksinasi kepada pekerja asing. Disamping itu, kerajaan juga telah mewujudkan satu perancangan jangka masa panjang yang teliti dalam menstruktur semula penginapan pekerja asing di Malaysia dengan mengambil iktibar daripada negara-negara luar yang dilihat berjaya dalam aspek pengurusan pekerja asing semasa pandemik COVID-19.

PENGHARGAAN

KOD GERAN: FRGS/1/2021/SS0/UPSI/02/5

RUJUKAN

- Andika, W. (2020). *The outbreak of Covid-19 in Malaysia: Pushing migrant workers at the margin*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian. (2020, 3 Mei). *Tumpu penularan dalam kalangan pekerja asing*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/694854/tumpu-penularan-dalam-kalangan-pekerja-asing>
- Berita Harian. (2020, 7 Mei). *COVID-19: Koloni warga asing berisiko cetus kluster baharu*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686348/covid-19-koloni-warga-asing-berisiko-cetus-kluster-baharu>
- Berita RTM. (2020, 29 November). *COVID-19: Penginapan pekerja warga asing sempit dan sesak perlu ditangani segera*. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/23706-covid-19-penginapan-pekerja-warga-asing-sempit-dan-sesak-perlu-ditangani-segera>
- Bernama (2019, 13 Mac). *MDKL Periksa Penempatan Pekerja Asing*. <http://blis.bernama.com.ez pustaka2.upsi.edu.my/index.php?mod=page&opt=gs>
- Bernama. (2020, 6 April). *Covid-19 Singapura kenal pasti sebuah asrama pekerja asing sebagai kluster baharu*. <http://blis.bernama.com.ez pustaka2.upsi.edu.my/index.php?mod=page&opt=gs>
- Bernama. (2021, 24 September). *Tingkat akses vaksinasi warga asing, pastikan Malaysia sihat*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2005932>
- Bernama. (2023, 7 Ogos). *40 CLQ disasar dibangunkan di Melaka menjelang 2025*. <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2213915>.
- Dewan Negeri Selangor. (2019). *Mesyuarat pertama penggal kedua Dewan Negeri Selangor*. <https://dewan.selangor.gov.my/question/pekerja-asing-2/>.
- Fauzi, S. (2020). Fahami perbezaan epidemik, endemik dan pandemik. Mac 12. *Astro Awani*. Diperolehi daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-perbezaan-epidemik-endemik-dan-pandemik-233401>.
- Feng, S., Shen, C., Xia, N., Song, W., Fan, M., & Cowling, B. J. (2020). Rational use of face masks in the COVID-19 pandemic. *Lancet Respir Med*. 8(5):434-436. doi: 10.1016/S2213-2600(20)30134-X.
- Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM). (2020). *Dialogue with vulnerable communities: An assessment of needs and next steps amid COVID-19 pandemic*. <https://www.suhakam.org.my/dialogue-with-vulnerable-communities-an-assessment-of-needs-and-next-steps-amid-COVID-19-pandemic/>.
- Intan Suria, H., Mohd Ridhwan, S., Muhammad Shamsinor, A. Z., & Mohd Fakhru Azri, A. (2020). Malaysia as attraction of international foreign workers. *Journal of Critical Reviews*, 7(8), 797-804.
- Jabatan Imigresen Malaysia. (2019). *Statistik anggaran pekerja asing mengikut negara asal dalam negeri di Malaysia*. Putrajaya: Unit Antarabangsa dan Statistik.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Statistik utama tenaga buruh di Malaysia 2019*. Kuala Lumpur: DOSM.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Jangkitan Covid-19. <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm>.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2022). *Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT)*. Bil. 1/2022 Zon Tengah. <https://jkt.kpkt.gov.my/sites/default/files/2022-02/NO.7%20GARIS%20PANDUAN%20PERANCANGAN%20CLQ.pdf>.
- MalaysiaKini. (2020, 1 Mei). *Tenaganita condemns raids on undocumented migrants, refugees in Kuala Lumpur*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/01/tenaganita-condemns-raids-on-undocumented-migrants-refugees-in-kuala-lumpur/1862190>.
- MalaysiaKini. (2020, 2 Mei). *Arrested undocumented migrants were tested for COVID-19, no mistreatment*. <https://www.malaysiakini.com/news/523677>.
- Muhammad Nur Akmal, A., & Intan Juliana, A. H. (2020). *9 fakta mengenai COVID-19*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Perbincangan Kumpulan Fokus. (2022, 15 November). Sektor Perkhidmatan. Puncak Alam. Selangor.
- Perbincangan Kumpulan Fokus. (2022, 20 November). Sektor Perkilangan. Rawang. Selangor.
- Sity, D. (2021). The COVID-19 pandemic crisis in Malaysia: The social protection program. *Journal of Developing Societies*, 1-23. Doi: 10.1177/0169796X211041154.
- Snowden, F. M. (2019). *Epidemics and society: From the black death to the present*. New Haven: Yale University Press.
- Temu bual pegawai Jabatan Imigresen Malaysia. (2022, 5 September). Dalam talian.
- Temu bual pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. (2022, 15 September). Dalam talian.
- Temu bual pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022, 10 Oktober). Dalam talian.
- Temu bual pegawai Polis DiRaja Malaysia. (2022, 25 Oktober). Dalam talian.

- The Star. (2020, 7 June). *CMCO to end, replaced with RMCO until Aug 31* [NSTTV]. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/598700/cmco-end%C2%A0replaced-rmco-until-aug-31>.
- Theng, T., Nazihah, M. N., & Jarud Romadan, K. (2020). COVID-19: We must protect foreign workers. *Discussion Paper 8/20, 1-37*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.